

AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH : 12 APRIL 2019  
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 17  
HARI : JUMAAT

# 59,460 dikecuali bayar PTPTN

**Sungai Besar:** Seramai 59,460 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) mendapat pengecualian bayaran semula Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sepanjang 22 tahun lalu.

Ia membabitkan peruntukan berjumlah RM1.8 bilion bagi penuntut yang memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama sejak PTPTN ditubuhkan pada 1 November 1997.

Pengurus Besar Kanan PTPTN, Abdul Ghaffar Yusop berkata, pengecualian itu diberikan bagi mengiktiraf mahasiswa yang berusaha memperoleh keputusan cemerlang dalam pengajian mereka.

"Kami memberi pengiktirafan dengan menukar pinjaman kepada biasiswa dengan bersyarat iaitu penuntut harus memohon terlebih dulu selepas mendapat anugerah.



**ABDUL GHAFFAR** (empat dari kanan) bersama penerima sumbangan sempena Jelajah Solo Gen Y di Dewan Luqman, SMK Bagan Terap, semalam.

"Berdasarkan permohonan itu, kami akan menimbangnya secara terperinci sebelum memprosesnya mengikut prosedur ditetapkan," katanya ketika ditemui selepas program Jelajah Solo Gen Y anjuran PTPTN dan Yayasan Kebajikan Perlis di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Terap di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Ke-

bajikan Perlis, Affendi Rajini Khan.

Terdahulu, Abdul Ghaffar menyerahkan sumbangan pembukaan akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) secara percuma bernilai RM100 dan RM120 kepada 542 pelajar di tiga sekolah di daerah ini.

Pemberian sumbangan diberikan kepada pelajar terpilih daripada keluarga berpendapatan rendah.